



MINUTE SHEET

Yang Mulia,
*****SEPERTI PEMBAHAGIAN*****

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**KEPERLUAN LESEN KE ATAS BAHAN-BAHAN RADIOAKTIF DAN
PERALATAN-PERALATAN RADIASI**

Dengan hormatnya merujuk surat daripada Setiausaha Tetap (Tenaga) selaku Autoriti bagi SHENA bilangan : ME/SUT(T)/SHENA/2020 bertarikh 24 Ramadhan 1441H / 18 Mei 2020 memaklumkan bahawa Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (Safety, Health and Environment National Authority – SHENA) adalah sebuah badan berkanun dibawah naungan Kementerian Tenaga yang bertanggungjawab keatas penguatkuasaan peruntukan-peruntukan dibawah Radiation Protection Order, 2018 yang mana salah satu daripada bidang kuasa SHENA adalah pengawalseliaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan radiasi di Negara Brunei Darussalam.

2. Pihak SHENA juga pada masa ini melalui Jabatan Radiasi telah mengambil maklum mengenai aktiviti-aktiviti radiasi yang dijalankan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang melibatkan penggunaan bahan-bahan radioaktif dan peralatan-peralatan radiasi. Aktiviti-aktiviti radiasi yang dimaksudkan adalah seperti aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang menggunakan mesin-mesin atau peralatan yang melibatkan bahan radioaktif dan/atau peralatan radiasi di pintu-pintu masuk bangunan Kementerian dan Jabatan, pos-pos kawalan, makmal-makmal, tempat-tempat kesihatan dan perubatan, dan tempat-tempat penyimpanan sisa bahan radioaktif dan/atau peralatan radiasi.
3. Memandangkan semua pengguna bahan radioaktif dan peralatan radiasi di Negara Brunei Darussalam diperlukan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Radiation Protection Order, 2018 maka pihak Pengiran / Tuan / Puan hendaklah memastikan agar jabatan-jabatan terlibat mempunyai lesen yang sah sewaktu menjalankan tugas-tugas yang melibatkan aktiviti radiasi seperti yang diperuntukkan dibawah Bab 6 dan 7, Radiation Protection Order, 2018. Ini adalah juga untuk tujuan pengemaskinian dalam memastikan semua mesin-mesin atau peralatan-peralatan radiasi yang ada di Negara Brunei Darussalam direkodkan dan diambilkira dalam senarai peralatan terkawal dan bahan radioaktif di Jabatan Radiasi, SHENA.





MINUTE SHEET

-2-

4. Sehubungan dengan itu, sukcita dipohonkan kerjasama Pengiran / Tuan / Puan supaya akan dapat memastikan mana-mana Jabatan dan Bahagian yang berkenaan yang belum mempunyai lesen yang dimaksudkan untuk membuat permohonan lesen radiasi sekiranya fasiliti Pengiran / Tuan / Puan mempunyai bahan radioaktif dan/atau peralatan radiasi yang sedang digunakan mahupun disimpan.
5. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara ini pihak Pengiran / Tuan / Puan adalah dialu-alukan untuk melayari laman sesawang <http://www.shena.gov.bn> atau berhubung terus dengan Dyg Zubaidah binti Haji Mahmud, Ketua Inspektor Jabatan Radiasi, SHENA melalui emel : zubaidah.mahmud@shena.gov.bn.

Sekian disampaikan untuk tindakan pihak Pengiran / Tuan / Puan mengenainya.

والسلام

“Keluarga Kukuh, Teras Masyarakat Sejabtera”

[MOHAMMAD SOFIAN BIN HAJI BASRI]
bp. Setiausaha Tetap,
Kementerian Hal Ehwah Ugama

*****SEPERTI PEMBAHAGIAN*****

Bil	Jabatan / Bahagian / Unit
1	Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
2	Pejabat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama
3	Pejabat Setiausaha Tetap, KHEU
4	Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU
5	YM Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
6	YM Pengarah Pentadbiran , KHEU
7	*YM Pmk Penolong Pengarah Pentadbiran I (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
8	*YM Penolong Pengarah Pentadbiran II (Bahagian Kewangan)
9	*YM Ketua Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, KHEU
10	*YM Ketua Unit Perumahan, Jabatan Pentadbiran, KHEU
11	*YM Ketua Unit Penghapusan, Jabatan Pentadbiran, KHEU
12	*YM Ketua Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pentadbiran, KHEU
13	YM Ketua Unit Kesihatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
14	YM Ketua Unit Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), KHEU
15	YM Ketua Unit Kawalan dan Kefahaman (KAFA), KHEU
16	YM Pengarah Perundungan Islam, KHEU
17	YM Ketua Bahagian Penguatkuasa Ugama, KHEU
18	YM Ketua Pendakwa Sya'rie, KHEU
19	YM Ketua Bahagian Audit Dalaman, KHEU
20	YM Ketua Bahagian Perhubungan Awam, KHEU
21	YM Ketua Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, KHEU
22	YM Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU
23	YM Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU
24	YM Ketua Bahagian Bangunan Dan Pemeliharaan, KHEU
25	YM Ketua Bahagian Teknologi Maklumat , KHEU
26	YM Ketua Bahagian Perperiksaan, JPI, (Lantai Bawah, KHEU)